

05/01/1998

10,050 gesa segerakan selaras gaji

Radzi Wahab

KUALA LUMPUR, Ahad - Kakitangan lima badan berkanun yang terbabit dalam permintaan pelarasan gaji mereka baru-baru ini, mahukan kelulusan segera daripada kerajaan bagi menaikkan kembali moral bekerja mereka.

Pengerusi Majlis Bersama Kesatuan Sektor Awam Yang Diasingkan, Mohd Noor Abdullah, berkata kelulusan segera daripada Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelarasan Gaji yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu perlu bagi menghalang 10,050 pekerja daripada berasa kebajikan mereka diabaikan.

"Kami difahamkan memorandum yang diserahkan kepada Perdana Menteri sudah disampaikan kepada beliau dan kami berharap Dr Mahathir akan membentangkan tuntutan itu dalam mesyuarat jawatankuasa secepat mungkin.

"Perhatian segera itu akan membolehkan tuntutan kami dipenuhi menjelang Aidilfitri," katanya di sini hari ini.

Difahamkan, jawatankuasa terbabit terpaksa menangguhkan perbincangan mengenai tuntutan kelima-lima badan berkanun itu pada Ogos dan September lalu, kerana kesibukan urusan Perdana Menteri.

Kakitangan lima badan berkanun yang mendakwa menerima gaji lebih rendah daripada pekerja sektor awam lain itu membabitkan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Bank Simpanan Nasional (BSN), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Tabung Haji.

Mereka mendakwa tidak menerima pelarasan gaji seperti diperolehi kakitangan awam mengikut Skim Saraan Baru (SSB) pada 1 Januari 1995.

Sehubungan itu, pada 24 Disember lalu, mereka membuat rayuan dalam satu memorandum kepada Dr Mahathir yang disampaikan kepada Pembantu Pegawai Tugas Khas Perdana Menteri, Dr Nuriah Moon di Jabatan Perdana Menteri.

Mohd Noor berkata, pelarasan gaji itu tidak akan membabitkan peruntukan tambahan kerajaan kerana kelima-lima badan berkenaan memperoleh pendapatan sendiri, dan pembayaran pelarasan gaji mampu dikendalikan agensi masing-masing.

Menurutnya, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) setakat ini sudah bersetuju pelarasan gaji berkenaan tetapi belum diluluskan di peringkat jawatankuasa terbabit.

Beliau berkata, kakitangan lima badan berkanun itu tidak menerima pelarasan gaji seperti kakitangan awam mengikut SSB kerana mereka kini menerima gaji mengikut sistem berbeza selaras status agensi sebagai badan berkanun.

Antara perbezaan ketara sistem gaji mereka dengan sistem SSB ialah kakitangan agensi berkenaan tidak menerima imbuhan tetap perumahan sebanyak RM90 serta elaun khidmat awam.

"Ini menyebabkan gaji kami kini jauh ketinggalan daripada gaji kakitangan di bawah SSB," katanya.

(END)